


Headline	ICT pemangkin kemajuan negara	Language	MALAY
Date	31. Aug 2008	Page No	A4
Media Title	Mingguan Malaysia	Article Size	566 cm2
Section	Supplement	Frequency	Daily
Circulation	483240	Color	Full Color
Readership	1810000	AdValue	11862.53



ICT pemangkin kemajuan negara

Oleh AU YEONG HOW



WARGA Malaysia, tanpa mengira peringkat umur kini semakin sehati dengan ICT. - Gambar hiasan

SEJAK negara kita mencapai kemerdekaan, teknologi maklumat (IT) terus berkembang pesat sehingga membolehkan kita hidup dalam dunia tanpa sempadan.

Ledakan IT hakikatnya 'memerdekakan' kita daripada batasan tempat, masa dan sebagainya.

IT menjadi lebih penting dalam era pasca-kemerdekaan negara kita kerana semua negara bersandarkan IT untuk

maju.

Sekadar bertanya, apakah itu Teknologi Maklumat (IT)? Dipacu ke depan, IT telah berkembang menjadi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Menurut ensiklopedia bebas Wikipedia, IT dan ICT merupakan teknologi yang diperlukan untuk pemprosesan data.

Ruang lingkup tajuknya sangat luas. Ia menyentuh berkenaan segala aspek dalam pengurusan dan pemprosesan maklumat.

Secara tepat dan mudah, ia merujuk penggunaan komputer dan perisian untuk mengubah, menyimpan, melindungi, memproses, memindah, melihat, dan men-

apatkan maklumat tanpa mengira tempat dan waktu.

Misalnya, komputer riba dan alat pembantu digital peribadi (PDA) yang dibawa bersama-sama ke mana-mana sahaja hampir menjadi teman sejati harian kita.

IT mahupun ICT telah sehati malah menyerikan kehidupan kita. Generasi muda dan tua menggunakannya.

Renungkan amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika melancarkan kampus baru Universiti Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST) di Semeling, Bedong baru-baru ini.

Menurut Abdullah, ICT merupakan bidang yang perlu diberi tumpuan kerana ia bukan sahaja begitu diperlukan dalam industri malah memainkan peranan yang cukup penting bagi sektor sosial dan ekonomi.

Untuk memahami signifikannya ICT, bayangkan keadaan dulu dan sekarang. Misalnya, bandingkan 51 tahun dulu dan mutakhir ini.

Apa yang pasti, kepentingan IT terserlah malah merentasi pelbagai sektor termasuk bidang pendidikan, pertanian, perbankan, perniagaan dan hiburan.

Lihat kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah, kolej dan universiti. Jauh berbeza sekarang. Ia telah mengalami evolusi berikutan pendedahan ICT.

Buku teks digantikan dengan komputer riba yang mempunyai capaian Internet. Ini bermakna kandungan ilmu adalah seluas ruang siber - tiada sempadan.

Para pelajar sekolah mahupun penuntut universiti boleh mengakses kertas kerja, jurnal dan tesis di universiti dalam dan luar negara secara maya.

Lebih menarik, kelas diadakan melalui tele-persidangan. Ini bermakna penyarah dan pelajarannya mungkin dipisahkan berbatu-batu jauh, tetapi masih dapat berkomunikasi interaktif.

Beralih ke bidang perubatan, doktor di negara A kini turut boleh menyelia operasi pembedahan di negara B dengan hanya melihat paparan dalam talian imej pesakit itu.

Menyedari peri pentingnya kemahiran dan skil ICT, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bekerjasama dengan peneraju industri teknologi dan perisian komputer, Microsoft untuk mewujudkan program Akademi IT kepada pelajar-pelajar universiti.

Program yang telah dimulakan sejak tahun 2006 itu kini menyasarkan pelaksanaannya kepada 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) selain dua buah politeknik iaitu Politeknik Sultan Idris Shah dan Politeknik Ungku Omar.

Antara IPTA yang terlibat pula adalah Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Turut serta ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan sebagainya.

Melalui akademi tersebut, Microsoft akan melengkapkan institusi pengajian terlibat dengan dengan beberapa kemudahan teknologi terkini.

Ini termasuk latihan kemahiran, sumber pengajian, kurikulum dan juga pensijilan kepada pelajar-pelajar mereka.

Kemahiran

Selain itu, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) juga telah mengambill inisiatif untuk menjalinkan kerjasama dengan VADS Berhad bagi menjalankan program 'kerjasama-akademia'.

Program kerjasama tersebut merupakan langkah untuk memperlengkapkan serta mempertingkatkan kemampuan siswa dan siswazah dengan kemahiran yang berkaitan bidang ICT sebelum menghadapi dunia pekerjaan sebenar.

Bagaimanapun, senario tersebut hanya wujud apabila negara aman damai. Keselamatan negara perlu terjamin.

Tanpa kita sedari, ICT sebenarnya merupakan nadi sistem pertahanan negara. Kesemua peluru berpandu, sistem radar, armada dan jet pejuang adalah berpandukan kecanggihan ICT.

Jelas sekali kita telah memanfaatkan ICT untuk mempertahankan kedaulatan negara bukan sahaja selama 51 tahun ketika ini bahkan seterusnya.

Sehubungan itu, anggota polis dan tentera hari ini adalah celik ICT. Mereka khususnya Pasukan Khas Udara (Paskau) mahir menggunakan persenjataan terbaru seperti bom dan peluru berpanduan laser atau GPRS.

Pegawai dan penyiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula dibekalkan kemudahan tambahan seperti komputer riba dan alat pembantu digital peribadi (PDA).

Ini membolehkan mereka merekodkan butiran dan kenyataan daripada pengadu ataupun saksi kes di lokasi serta menghantar terus ke pangkalan data.

Menyoroti kehidupan harian kita, perkembangan pesat ICT telah merubah gaya hidup rakyat. Aktiviti harian bertambah senang dan selesa dilakukan.

Urusan bank seperti membayar bil, pin-dah dana, hutang kad kredit boleh dibuat dengan sekali klik pada tetikus.

Itulah perbankan internet. Dipendekkan kata, rumah atau mana-mana sahaja ialah premis bank.

Menerusi perbankan mudah alih (mobile banking), kita hanya perlu menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) untuk melakukan aktiviti yang sama.

Dalam pada itu, ICT, ibarat 'baja' kepada pokok mampu memainkan peranan penting dalam sektor pertanian.

Ambil contoh aplikasi pintar MSC Malaysia, MyKad yang kini berfungsi sebagai media pungutan data bagi pertanian.

Agensi-agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengimport data terbuka peladang dan pedagang daripada MyKad ke dalam sistem

mereka.

Agensi terbabit menerima pakai MyKad ke dalam persekitaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memastikan ketepatan dan keselamatan data.

Secara tidak langsung, penggunaan pengenalan berasaskan cip itu mewujudkan kesan positif dalam sektor pertanian.

Pengguna akan memperoleh butiran terperinci mengenai bekalan pertanian termasuk lokasi produk terdekat yang ditawarkan melalui pangkalan data.

Terdapat usaha menyepadukan perladangan kontrak dengan ICT/MyKad dalam sektor pertanian secara berperingkat-peringkat.

Dari perspektif peniaga pula, mereka membangunkan laman web mengikut cita rasa serta kreativiti masing-masing untuk menjual produk mereka di alam siber.

Menerusi kemudahan ICT seperti e-dagang, mereka melebarkan perniagaan dan perkhidmatan mereka ke ruang Internet.

Ternyata peranan ICT dalam mempertahankan kemerdekaan negara adalah relevan malah kedua-duanya saling berkait rapat.